

# PEMBANGUNAN MODUL PROGRAM INTERVENSI KELUARGA UNTUK MENGURANGKAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM TALIAN DAN MEDIA BAHARU: SATU KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN

Nazariah Shar'ie Bt. Janon<sup>1\*</sup>, Nor Diana Bt. Mohd Mahudin<sup>2</sup>, Azlin Bt Alwi<sup>3</sup>, & Kamarul Akmar Bin Mukhtar<sup>4</sup>

<sup>123</sup>Jabatan Psikologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; <sup>4</sup>Agensi Anti Dadah Kebangsaan

## ABSTRAK

Pembangunan sesuatu program yang komprehensif mempunyai cabarannya yang tersendiri dan perlu mengambil kira keperluan serta permasalahan kumpulan sasaran. Namun, kajian mengenai pembangunan program intervensi keluarga yang dapat mengurangkan risiko penyalahgunaan dadah dalam talian dan media baharu masih kurang dijalankan. Ini menyebabkan persoalan berkaitan pengisian serta isi kandungan yang sepatutnya digarap dalam program sedemikian terutamanya dalam kalangan keluarga di Malaysia masih belum diterokai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau keperluan pembangunan program intervensi keluarga untuk pengurangan risiko penyalahgunaan dadah dalam talian dan media baharu serta mencari maklumat tentang pengisian kandungan modul yang boleh dijadikan panduan dalam pembangunan program tersebut. Dengan menggunakan kajian kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama tiga kumpulan responden iaitu kumpulan remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ( $n = 30$ ), ibu bapa atau waris yang mempunyai anak di pusat pemulihan kelolaan AADK ( $n = 22$ ), dan kumpulan pakar ( $n = 6$ ), hasil dapatan dapat dirumuskan kepada dua kategori. Pertama, wujudnya keperluan segera untuk membangunkan satu program intervensi keluarga yang dapat membantu keluarga mengurangkan risiko penyalahgunaan dadah dalam talian dan media baharu; dan kedua, lima tema utama iaitu (1) Pengetahuan, (2) Diri, (3) Keluarga, (4) Internet dan Media Baharu, dan (5) Undang-undang telah dikenal pasti sebagai pengisian yang sesuai dan bertepatan dengan keperluan program sasaran. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran tentang perincian modul serta aktiviti yang sesuai dalam membangunkan sesuatu program intervensi keluarga yang akan dibina supaya menjadi lebih relevan, praktikal, dan bermanfaat.

**Kata kunci:** *Pembangunan modul; analisis keperluan, dadah; internet, media baharu*

---

Setinggi penghargaan kepada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) kerana telah membiayai kajian ini di bawah Geran Ilmiah AADK 2017 (SP17-015-0277). Penghargaan juga dirakamkan kepada pembantu penyelidik: Muhamad Haziq Mohd Asad, Siti 'Ayunni Ayub, dan Putifatma Hanum Melati kerana sokongan dan komitmen mereka dalam menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ingatan turut diabdikan kepada Allahyarhamah Dr. Mimi Iznita Mohamed Iqbal, ahli kumpulan kajian yang telah dijemput Tuhan di saat akhir kajian.